

## MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENEGASKAN HARI INI BAHAWA SESIAPA JUA SAMA ADA WARGANEGARA MALAYSIA ATAU WARGANEGARA ASING AKAN DIKENAKAN HUKUMAN YANG SAMA DI BAWAH UNDANG-UNDANG DADAH NEGARA.

+TIDAK ADA TOLAK ANSUR BAGI MEREKA YANG SEBENARNYA MEMBUNUH LEBIH RAMAI RAKYAT NEGARA INI SECARA PERLAHAN-LAHAN,+ KATANYA KETIKA MERASMIKAN SEMINAR KEBANGSAAN MENGENAI PEMBABITAN IBU BAPA DALAM PENCEGAHAN DADAH DI SINI.

BELIAU MENYIFATKAN PARA PENGEDAR DADAH SEBAGAI MANUSIA YANG TIDAK BERPERIKEMANUSIAN, PENJENAYAH YANG KEJAM DAN PEMBUNUH.

PERDANA MENTERI BERKATA + SESIAPA YANG BERMINAT MENJADI PENGEDAR HARUS INGAT BAHAWA AKHIRNYA RIWAYAT MEREKA AKAN TAMAT PADA TALI GANTUNG.

+ HARTA YANG MEREKA PEROLEHI DARIPADA JENAYAH MEREKA AKAN DIRAMPAS. TIADA MAAF BAGI MEREKA,+ KATANYA.

SEMINAR DUA HARI ITU DIANJURKAN OLEH BADAN AMAL DAN KEBAJIKAN TENAGA ISTERI-ISTERI (BAKTI) YANG DISERTAI OLEH KIRA-KIRA 300 ORANG IBU BAPA DARI SELURUH NEGARA.--LAGI

## MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENYIFATKAN MASALAH DADAH DI NEGARA INI YANG MEMBABITKAN KEBANYAKANNYA GOLONGAN MUDA BAWAH UMUR 30 TAHUN, SEBAGAI SATU FENOMENA YANG AMAT BERAT KERANA MEREKA MENJADI HARAPAN BANGSA DAN NEGARA.

BELIAU MEMBERI AMARAN BAHAWA JIKA PENGGUNAAN DADAH BERKEMBANG DI KALANGAN RAKYAT, MAKA HURA-HARA AKAN BERLAKU, KELUARGA DAN MASYARAKAT MENJADI LEMAH DAN AKHIRNYA NEGARA AKAN HANCUR ATAU DIKUASA OLEH ORANG LAIN.

DEMI MEMANDANGKAN HAKIKAT INILAH, KERAJAAN MENGAMBIL SIKAP TEGAS MENGENAKAN HUKUMAN MATI TERHADAP SESIAPA YANG MENGEDARKAN DADAH, KATANYA.

PERDANA MENTERI MENGGESA SEMUA ANGGOTA MASYARAKAT MEMBABITKAN DIRI MEMERANGI DADAH DAN SEDAR BAHAWA USAHA ITU BERTUJUAN BAGI MENYELAMATKAN GENERASI MUDA SERTA MEWUJUDKAN SATU BANGSA YANG BERMARUAH DAN DIHORMATI.

+SAYA SEDAR BAHAWA BEBERAPA PERTUBUHAN DI NEGARA INI, TERUTAMANYA PEMADAM TERBABIT DALAM BEBERAPA KEGIATAN MEMBANTU USAHA KERAJAAN MEMERANGI DADAH,+ KATA BELIAU. -- LAGI

## MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

BELIAU BERKATA KEMPEN ANTI-DADAH YANG DILANCARKAN DI SELURUH NEGARA AKAN DITERUSKAN UNTUK MEMBERI KEFAHAMAN DAN KESEDARAN MENGENAI BAHAYA DAN ANCAMAN DADAH KEPADA MASYARAKAT.

KATANYA KERUNTUHAN MORAL DAN PENOLAKAN AGAMA DALAM MASYARAKAT BARAT ADA KAITANNYA DENGAN PENAGIHAN DADAH DAN BELIAU MENYARANKAN IBU BAPA MENGHIDUPKAN NILAI-NILAI KEAGAMAAN DAN KETIMURAN SEMULA DI KALANGAN ANAK-ANAK UNTUK MEMBENDUNGI GEJALA DADAH.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IBU BAPA JUGA PERLU MENGAWAL ANAK-ANAK MEREKA KERANA PERUBAHAN ADAT RESAM MASYARAKAT NEGARA MELALUI PENDEDAHAN KEPADA CARA HIDUP ASING KINI MENGAKIBATKAN ANAK-ANAK DIBERI KEBEBASAN YANG BERLEBIHAN.

BELIAU JUGA MENYARANKAN IBU BAPA MENDIDIK ANAK-ANAK DARI SEJAK KECIL BAHAWA +DADAH ITU NAJIS DAN TIDAK BOLEH DISENTUH + DAN MEREKA JUGA HENDAKLAH MEMBABITKAN DIRI DALAM GERAKAN ANTI-DADAH AGAR MENGETAHUI BAHAYA DADAH.

MENURUTNYA 13,239 ORANG PENAGIH MENGIKUTI PROGRAM RAWATAN DAN PEMULIHAN DARI TAHUN 1983 HINGGA OGOS 1985 BERBANDING DENGAN 9,142 ORANG DALAM TEMPOH 1980-82. -- LAGI.

D721

U B277 AAB

MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+HARUS DIINGAT BAHAWA BUKAN SAHAJA BANYAK WANG TERPAKSA  
DIBELANJAKAN UNTUK MERAWAT MEREKA INI TETAPI POTENSI BEKERJA DAN  
PRODUKTIVITI MEREKA JUGA HILANG,+ KATANYA.

JIKA DIJUMLAH PERBELANJAAN RAWATAN DAN PEMILIHAN OLEH KERAJAAN  
DAN MASYARAKAT, MAKA JELAS BAHAWA RATUSAN JUTA RINGGIT WANG NEGARA  
HILANG TANPA FAEDAH, KATA BELIAU.

SEBELUM ITU, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH SELAKU YANG  
DIPERTUA BAKTI BERKATA DALAM MENGHADAPI MASALAH DADAH, IBU BAPA TIDAK  
BOLEH BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA KERAJAAN.

KATANYA MASALAH DADAH MENJADI MASALAH BERAT YANG MENGANCAM  
KEHARMONIAN, KESTABILAN DAN KESELAMATAN NEGARA.

BELIAU BERHARAP PERSIDANGAN MENGENAI DADAH ITU DAPAT MENYEDARKAN  
IBU BAPA AKAN PENTINGNYA PERANAN SERTA SUMBANGAN MEREKA DALAM BIDANG  
PENCEGAHAN DADAH.--BERNAMA

1233MST 26 10 85